

## **PEMBELAJARAN MURID TAHFIZ SEKOLAH AGAMA KERAJAAN DI MALAYSIA: BENTUK ADAB DAN AMALAN MURID YANG DILAKSANAKAN**

### **LEARNING PROCESS OF TAHFIZ STUDENTS IN MALAYSIAN GOVERNMENT RELIGIOUS SCHOOLS: FORM OF MANNERS AND PRACTICES IMPLEMENTED**

Fathiyah Mohd Fakhruddin<sup>1</sup>  
Ahmad Fauzi Mohd Ayub<sup>2</sup>  
Norlizah Che Hassan<sup>3</sup>  
Lukman Abd Mutalib<sup>4</sup>  
Wan Marzuki Wan Jaafar<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

<sup>2</sup> Prof. Madya, Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

<sup>4</sup> Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM

<sup>5</sup> Prof. Madya, Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

**Accepted date:** 29 July 2017

**Published date:** 15 March 2018

**To cite this document:** Fakhruddin, F. M., Ayub, A. F. M., Hassan, N. C., Mutalib, L. A., & Jaafar, W. M. W. (2018). Pembelajaran Murid Tahfiz Sekolah Agama Kerajaan Di Malaysia: Bentuk Adab Dan Amalan Murid Yang Dilaksanakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 18-30.

---

#### **Abstrak**

Salah satu bentuk pembelajaran yang semakin mendapat tempat di negara ini ialah pembelajaran tahfiz. Pembelajaran tahfiz negara ini yang ditawarkan di sekolah agama kerajaan turut meliputi aliran akademik. Oleh itu, murid yang mengikuti pembelajaran tahfiz ini perlu memiliki komitmen yang tinggi bagi memastikan mereka mampu mengikuti pembelajaran dengan baik. Selain itu, aspek adab dan amalan tertentu juga penting dilaksanakan murid bagi menyokong pembelajaran tahfiz yang diikuti. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka adab dan amalan yang dilaksanakan oleh murid aliran tahfiz tersebut. Temu bual mendalam dijalankan terhadap dua belas orang murid tahfiz yang telah mengikuti aliran ini sekurang-kurangnya tiga tahun. Dapatan menunjukkan bahawa antara adab yang dilaksanakan oleh subjek kajian ialah menjaga niat, menjaga adab dengan guru, adab dengan ibubapa, adab dengan rakan serta memuliakan al-Quran. Manakala daripada aspek amalan pula, subjek kajian dilihat berusaha untuk membiasakan diri dengan amalan sunat seperti solat sunat, bangun untuk solat malam, puasa sunat, membaca surah tertentu, berdamping dengan penghafaz al-Quran serta berusaha menghindari maksiat. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid yang mengikuti aliran tahfiz perlu melaksanakan beberapa adab dan amalan penting khusus bagi memudahkan

*pembelajaran tahfiz yang diikuti. Kajian ini mengemukakan cadangan agar pihak sekolah yang menawarkan aliran tahfiz tidak mengabaikan aspek adab dan amalan bagi dilaksanakan murid. Cadangan turut dikemukakan agar guru dan ibubapa juga memberi penekanan kepada aspek adab dan amalan ibadah yang perlu dilaksanakan bagi menyokong proses pembelajaran tahfiz.*

**Kata kunci:** *Adab, Amalan Ibadah, Pembelajaran Tahfiz, Murid Tahfiz*

### **Abstract**

*Tahfiz education is gaining its own popularity in the country of Malaysia. The said education which is offered at the government religious schools includes both tahfiz learning and the academics. Thus, it is essential that the students need to possess high level of commitment in order to be able to greatly grasp the learning process. Besides that, specific manners and practises are also important to be implemented by the students to support their tahfiz learning. This study employed a qualitative approach to explore the matters of adab (manners) and practises used by such tahfiz students. In-depth interviews were conducted with 12 students who already underwent the tahfiz education for at least 3 years. The results of the study has shown research subjects underlined some of the important adab they exercised such as having niyyah (intention), behaving well towards the teachers, parents and friends and respecting al-Quran. In term of the practise aspect, they were found to be consistent performing the ibadah sunnah (non-obligatory religious rituals) such as to perform solah sunnah (non-obligatory prayers), qiyamullail (waking up in the middle of the night to perform night prayers), siyam sunnah (non-obligatory fasting), to recite certain verses from the Quran, to get close to huffaz al-Quran (memorizers of al-Quran) and to keep themselves off from evil deeds. The results indicate that the tahfiz students need to exercise the said adab and practises for a smooth tahfiz learning. This study offers suggestions for tahfiz schools not to ignore the aspects of manners and practises to be implemented by students. Suggestions are also presented to teachers and parents to emphasize the implementation aspects of manners and practises to support the tahfiz learning process.*

**Keywords:** *manners(adab), religious practices, tahfiz learning, tahfiz students*

---

### **Pendahuluan**

Pembelajaran tahfiz ialah pembelajaran yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat negara ini. Banyak sekolah sama ada yang dibangunkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta menawarkan aliran tahfiz (Nordin, 2015). Pembelajaran tahfiz di sekolah agama kerajaan di Malaysia menawarkan dua aliran iaitu aliran akademik dan tahfiz. Oleh itu, pembelajaran di sekolah berkenaan bukan sesuatu yang mudah. Proses menghafaz ayat al-Quran juga bukan satu proses yang senang. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa 60% daripada responden yang dikaji di salah sebuah Maahad Tahfiz di negara ini tidak dapat menyempurnakan hafazan sejumlah 30 juzuk al-Quran sebagaimana yang ditetapkan (Misnan & Ahmad Sadadi, 2003). Manakala kajian oleh Azmil, Misnan, Ab Halim & Mohd Aderi (2014) dalam kalangan pelajar tahfiz di Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) mendapati pencapaian tahfiz pelajar masih lemah daripada segi kelancarannya.

Permasalahan kualiti hafazan tersebut mempunyai kaitan dengan adab dan amalan murid tahfiz itu sendiri. Kajian Azmil *et al.*, (2014) secara jelas menyatakan bahawa kelemahan pencapaian

hafazan mempunyai hubungan signifikan yang sederhana dengan adab pembelajaran tahfiz. Adab tersebut meliputi ikhlas dalam menghafaz, menjaga adab dengan guru dan ibubapa, memperbanyakkan amalan sunat, membaca doa untuk memperkukuhkan hafazan serta menjauhi perbuatan maksiat. Selain daripada itu, Abd Hafiz, Ajmain, Mohd Ismail, Azhar dan Idris (2003) turut memperkatakan perkara yang sama iaitu antara masalah murid tahfiz ialah mereka tidak menitikberatkan adab sebelum dan selepas menghafaz al-Quran. Begitu juga dalam aspek melaksanakan amalan sunat dan menjauhi perkara maksiat. Ini menyebabkan pencapaian hafazan murid berkenaan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Sedangkan hakikatnya seorang penghafaz al-Quran sangat perlu membersihkan hati dan fikirannya agar mudah memahami, menghafaz dan menyebarkan ilmu al-Quran sebagaimana yang ditegaskan oleh Al-Nawawi (Shahrulkarnain, 2013). Ini bermakna hati dan fikiran yang bersih dapat diperolehi apabila murid tahfiz melaksanakan adab dan amalan yang mulia.

Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini dapat meneroka apakah adab dan amalan yang dilaksanakan oleh murid tahfiz di sekolah agama bantuan kerajaan bagi menyokong pembelajaran mereka. Kajian terdahulu rata-rata menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu soal selidik sebagai alat pengumpulan data (Azmil *et al.*, 2014; Abd Hafiz *et al.*, 2003; Misnan & Ahmad Sadadi, 2003; Shahrulkarnain, 2013) tetapi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami secara jelas pengalaman murid melaksanakan adab dan amalan dalam pembelajaran tahfiz mereka.

#### ***Pelaksanaan Adab dan Amalan oleh Murid Tahfiz***

Al-Quran ialah kitab mulia yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. sebagai panduan kepada jalan yang lurus. Ini dapat difahami daripada maksud Surah al-Isra' ayat 9 yang berbunyi:

Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang betul dan memberi berita gembira kepada orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal salih, bahawa mereka beroleh pahala yang besar

(Abdullah Basmeih, 1983)

Kedudukan al-Quran yang mulia dan tinggi menuntut umat Islam untuk memberi penghormatan dan pengagungan terhadapnya. Oleh itu, interaksi individu dengan al-Quran sama ada ketika membaca atau menghafaznya perlulah disertai dengan adab tertentu. Adab ketika berinteraksi dengan al-Quran ialah memastikan niat membaca dan menghafaz al-Quran kerana Allah s.w.t., memegang al-Quran dalam keadaan berwuduk, membaca dan menghafaz di tempat yang bersih, membaca secara tartil iaitu tidak tergopoh gapah serta berusaha untuk menghayati apa yang dibaca dan dihafaz (Abd Hafiz *et al.*, 2003).

Secara lebih khusus, antara bentuk adab dalam pembelajaran tahfiz menurut Azmil *et al.*, (2014) meliputi sebelum menghafaz dan semasa proses menghafaz. Sebelum proses menghafaz, murid digalakkan untuk mengikhlaskan niat iaitu tidak mengharap sanjungan daripada orang ramai sebaliknya semata-mata kerana Allah, membaca doa sebelum menghafaz, memuliakan al-Quran serta memperbanyakkan amalan ketaatan. Seterusnya dalam proses menghafaz antara contoh adab yang disarankan ialah menjaga adab dengan guru, memperbanyakkan solat sunat, bergaul dengan individu yang juga penghafaz al-Quran, membaca ayat yang dihafaz dalam solat serta memilih masa yang sesuai untuk menghafaz ayat al-Quran. Dalam kajian yang dijalankan terhadap 212 orang pelajar yang mengikuti Diploma

Tahfiz al-Quran Darul Quran ternyata pelajar berkenaan mengamalkan beberapa adab dan amalan tertentu ketika mengikuti pembelajaran tahfiz. Antara bentuk adab yang paling banyak diberi perhatian ialah menghormati guru, bergaul dengan golongan huffaz, membaca doa hafazan, menjaga solat berjemaah, sentiasa berwuduk, memperbanyakkan amalan sunat dan mengikhlaskan niat (Azmil *et al.*, 2014).

Sementara itu, Mohd Solleh (2013) turut memberi fokus kepada adab seorang penghafaz al-Quran iaitu antaranya ialah menjaga akhlak dengan guru dan ibubapa. Dalam pembelajaran tahfiz, pelajar sangat digalakkan agar menjaga hubungan dengan ibubapa dan guru kerana kedua-duanya berperanan besar dalam membantu proses hafazan pelajar. Sokongan ibubapa dan guru dalam bentuk doa, bimbingan dan teguran sangat membantu sehingga pelajar boleh bertahan dalam pembelajaran menyebabkan mereka perlu menjaga akhlak dengan keduanya.

Selain daripada aspek adab sebagaimana yang dihuraikan di atas, murid tahfiz juga perlu melaksanakan amalan tertentu bagi memastikan kelancaran proses pembelajaran mereka. Namun begitu jika diperhati, penulisan oleh Azmil *et al.*, (2014) menggabungkan aspek adab dan amalan iaitu sebagaimana yang diulas oleh sarjana Islam terdahulu seperti Abu Najihat, Abu al-Fida' dan Al-Syarbini memperbanyakkan amalan ketaatan sebagai satu adab dalam proses menghafaz.

Dalam penulisan Zainora, Shahrudin, Muhammad Fairuz, Nurfatimah & Mohd Mahfuz (2016), konsep *hamlah al-Quran* atau penghafaz al-Quran dikupas daripada perspektif ibadah. Konsep *hamlah al-Quran* daripada perspektif ibadah meliputi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah. Namun dapatan menunjukkan terdapat amalan yang kurang diberi perhatian oleh murid tahfiz. Sebagai contoh, terdapat 19.5% responden tidak suka bangun melakukan solat tahajud, 6.25% pula tidak suka berpuasa sunat sementara 12.5% responden pula menyatakan pandangan bahawa maksiat tiada kaitan dengan hafazan al-Quran (Zainora *et al.*, 2016). Berdasarkan dapatan kajian tersebut juga, jelas menunjukkan bahawa beberapa amalan tertentu perlu diberi perhatian seperti solat sunat, puasa sunat, zikir dan bersedekah (Zainora *et al.*, 2016).

Huraian di atas secara jelas memperlihatkan bahawa adab dan amalan dalam pembelajaran tahfiz adalah sesuatu yang signifikan bagi murid tahfiz. Tanpa adab dan amalan tersebut, murid tahfiz berhadapan dengan masalah pencapaian hafazan kerana salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan hafazan ialah pelaksanaan adab dan amalan tertentu. Adab dan amalan berkenaan penting dalam menyokong dan sekaligus pemangkin kepada kejayaan murid dalam pembelajaran tahfiz.

### **Pernyataan Masalah**

Al-Nawawi sebagaimana yang direkodkan oleh Zainora, Hayati, Muhammad Lukman, Abdul Rahim dan Nurfatimah (2016a) menitikberatkan aspek adab dan amalan bagi penghafaz al-Quran. Adab dan amalan tersebut merangkumi adab dengan Al-Quran, menjaga hubungan dengan Allah, menjaga hubungan dengan manusia lain serta hubungan dengan dirinya sendiri. Ini bermakna adab dan amalan tertentu sangat ditekankan dalam konteks pembelajaran tahfiz. Seterusnya dalam kajian lampau iaitu kajian yang dijalankan oleh Azmil *et al.* (2014), pembelajaran tahfiz mempunyai hubungan yang signifikan dengan adab pembelajaran tahfiz. Ini menunjukkan bahawa murid yang mengikuti pembelajaran tahfiz perlu mengaplikasi beberapa bentuk adab yang sesuai bagi memastikan kualiti hafazan mereka. Begitu juga dapatan yang diperolehi oleh Zainora *et al.*, (2016b) yang melaporkan bahawa masih terdapat

segelintir murid tahfiz yang kurang memberi perhatian kepada beberapa amalan tertentu seperti solat sunat, puasa sunat, berzikir serta bersedekah.

Berdasarkan huraian, ternyata kajian ini penting dijalankan bagi meneroka adab dan amalan yang dilaksanakan oleh murid tahfiz di sekolah agama kerajaan yang membantu dan menyokong pembelajaran tahfiz mereka. Kajian ini juga penting dijalankan memandangkan kajian lepas hanya menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengenalpasti adab dan amalan murid aliran tahfiz, sementara kajian ini berbentuk kualitatif bagi mendapatkan gambaran jelas tentang adab dan amalan murid berdasarkan pengalaman sebenar mereka.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi meneroka dua perkara penting iaitu bentuk adab dan amalan yang dilaksanakan oleh murid tahfiz dalam pembelajaran mereka di sekolah agama kerajaan di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk meneliti pengalaman murid tahfiz dalam mengamalkan adab serta amalan tertentu dalam pembelajaran mereka (Noraini, 2010). Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan iaitu ditentukan ciri subjek kajian yang dipilih. Teknik ini dapat memastikan pemilihan subjek kajian ialah mereka yang dapat membantu menjawab persoalan kajian serta memberikan pandangan serta pengalaman yang jelas tentang fenomena yang dikaji (Puvesvary, Radziah, Sivabala, Mastura, Noor Fadhilah & Noor Haslina, 2011). Murid tahfiz yang dipilih terdiri daripada murid yang mengikuti pembelajaran tahfiz sekurang-kurangnya tiga tahun bagi memastikan mereka telah faham tentang bentuk adab dan amalan yang perlu dilaksanakan serta mampu pula berkongsi ilmu dan pengalaman yang dilalui. Murid tahfiz yang terlibat juga dipilih daripada kalangan yang bersekolah di sekolah agama kerajaan iaitu sekolah yang mendapat bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Dua belas orang murid yang terpilih sebagai subjek kajian adalah daripada tiga buah sekolah agama kerajaan yang berbeza tetapi menawarkan kedua-dua aliran akademik dan tahfiz. Temu bual mendalam merupakan kaedah pengumpulan data. Temu bual yang dijalankan dirakam dan ditranskripsikan untuk tujuan analisis data. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah tematik iaitu tema dikenalpasti berdasarkan persoalan kajian yang telah ditentukan (Othman, 2009).

### **Perbincangan Dapatan**

Berdasarkan dapatan temu bual yang dijalankan terhadap subjek kajian yang terdiri daripada 12 orang murid tahfiz, terdapat beberapa bentuk adab dan amalan yang dilaksanakan oleh mereka dalam pembelajaran. Dalam konteks adab yang diamalkan, subjek kajian berkongsi bahawa mereka berusaha untuk menjaga niat dalam pembelajaran. menjaga adab dengan guru, adab dengan ibubapa, adab dengan rakan serta memelihara adab dengan al-Quran.

Usaha subjek kajian menjaga keikhlasan niat dalam pembelajaran dapat dilihat dengan apa yang dinyatakan oleh Murid C iaitu “nak hafal Quran kena lahir dari hati yang ikhlas sebab kalau hati tak ikhlas sampai bila-bila pun tak jadi”. Ini disokong oleh Murid G yang mengakui tanpa ikhlas, murid mudah tertekan dengan pembelajaran tahfiz. Beliau menjelaskan:

Bagi Fisha apa yang perlu ada tu, macam keikhlasan la. Keikhlasan kesungguhan. Kalau tak kerana Allah, dia akan rasa stress giler...

(TB Murid G)

Begitu juga yang dikongsikan oleh Murid I dan dan L menyatakan perkara yang sama tentang antara adab dalam pembelajaran tahfiz ialah niat yang ikhlas untuk menjadi penghafaz. Murid I secara ringkas menyatakan, “Niat yang penting.”. Seterusnya Murid L mengemukakan bahawa:

Pertama sekali dia kena ada niat dalam diri dia yang aku ni nak jadi seorang hafiz. Jadi seorang hafiz yang mana dapat memberi syafaat kepada keluarga  
(TB Murid L)

Keikhlasan dalam mengikuti pembelajaran tahfiz ialah bentuk adab paling asas tetapi penting yang ditekankan oleh Al-Nawawi sebagaimana yang dinyatakan oleh Azmil et al., (2014). Dalam masa yang sama, murid perlu menghindari daripada rasa bangga diri, angkuh dan mengharapkan pujian manusia (Abd Hafiz et al., 2003).

Bentuk adab selanjutnya yang disebut oleh subjek kajian ialah daripada segi menghormati dan menjaga adab dengan guru tahfiz khususnya yang banyak memberi dorongan kepada mereka dalam pembelajaran. Murid C mengemukakan pandangan beliau:

Pertama sekali tu kita kena didik diri kita jadi seorang yang lebih baik. Adab tu yang paling utama. Adab dengan guru-guru... tanpa akhlak , Al-Quran kita takkan terjaga.

(TB Murid C)

Murid E menyatakan pendapat beliau bahawa antara cara menjaga adab dengan guru ialah dengan mendengar cakap guru serta sering mendapatkan pandangan guru apabila menghadapi masalah khususnya berkaitan dengan hafazan.

Pertama dengar cakap guru, guru ibubapa kita yang kedua, sebarang masalah memang murid akan bertanya dan merujuk kepada guru.

(TB murid E)

Ini disokong oleh Murid J yang secara ringkas memaklumkan bahawa, “kena beradab dengan guru.” Sementara itu, Murid I menjelaskan bahawa:

Antara yang penting jugak bagi saya ialah adab dengan guru. Bersahabat dengan guru, berkawan sebab kemungkinan dengan bersahabat tu kita dapat ilmu-ilmu yang tambahan.

Aspek menjaga adab dengan guru telah disentuh oleh Mohd Solleh (2013) agar murid tahfiz tidak mengabaikannya. Ini adalah kerana peranan guru yang cukup besar iaitu bukan sahaja mengajar cara menghafaz al-Quran tetapi juga membimbing agar murid menghayati dan menterjemahkan al-Quran dalam kehidupan seharian.

Selain daripada menjaga adab dengan guru, subjek kajian didapati turut mengutamakan adab dengan ibubapa bagi membantu proses pembelajaran tahfiz mereka. Antaranya Murid C menjelaskan secara pendek dan ringkas iaitu “Hormat orang tua penting, bila kita tak ada hormat, kat situ le kurang dia..” Murid J turut menyatakan dengan pendek bahawa selain daripada menjaga adab dengan guru, dengan ibubapa juga penting seperti katanya, “kena

beradab dengan guru...dengan parents.” Sementara itu, Murid L menerangkan bahawa antara cara beliau menjaga adab dan menghormati ibubapa ialah memohon doa daripada ibubapa agar mudah proses pembelajaran yang diikuti di sekolah.

Dan jugak saya selalu kalau sebelum mak ayah nak tinggalkan saya kat sekolah, saya salam kat dia, saya cakap kat dia tolong doakan supaya saya mudah untuk menghafal al-Quran supaya ingat al-Quran dan juga untuk akademik jugak  
(TB Murid L)

Dapatan menunjukkan bahawa murid tahfiz juga tidak boleh meminggirkan aspek menjaga adab dengan ibubapa. Penjelasan murid yang ditemu bual menunjukkan bahawa menjaga adab dengan ibubapa seperti menghormati dan memohon doa ibubapa akan memudahkan proses hafazan mereka. Ini sejajar dengan apa yang dititikberatkan oleh Mohd Solleh (2013) kerana ibubapa berperanan besar memperkenalkan al-Quran sejak usia kecil anak-anak serta memberi kasih sayang serta sokongan yang dapat memudahkan proses pembelajaran tahfiz yang dilalui.

Selanjutnya, terdapat adab lain yang disebut oleh subjek kajian iaitu menjaga adab dengan rakan tetapi hanya seorang subjek kajian yang menyatakannya sebagai antara adab dalam pembelajaran tahfiz. Murid C menerangkan:

Kita mintak maaf dulu dengan kawan-kawan, dengan ibu bapa... Kita tak tahu yang kita terbuat, kita mintak maaf jugak.

Murid C berkongsi bahawa antara adab dengan rakan ialah meminta maaf kerana dalam proses berkawan tentu ada yang mungkin menyinggung perasaan maka ia akan membantu memudahkan proses pembelajaran tahfiz.

Bentuk adab yang turut dilaksanakan oleh murid tahfiz yang ditemui ialah menjaga adab dengan rakan seperti tidak menyinggung hati rakan dan segera memohon maaf jika berlaku perkara yang menyinggung hati rakan. Bentuk adab dengan rakan ini tidak dinyatakan secara jelas oleh pengkaji terdahulu namun ia boleh difahami dengan penjelasan Zainora *et al.* (2016a) yang menekankan aspek adab penghafaz al-Quran atau *hamlah al-Quran* yang sangat perlu menjaga hubungan dengan Allah s.w.t. , hubungan terhadap diri dan hubungan dengan manusia lain. Ini bermaksud adab dengan rakan ialah satu bahagian daripada menjaga hubungan dengan manusia lain.

Akhir sekali yang turut dikongsi oleh subjek kajian ialah adab memuliakan al-Quran serta berbangga dengan usaha menghafaz al-Quran namun ia hanya disebut secara jelas oleh seorang subjek kajian yang ditemui. Beliau menyatakan:

Siapa lagi nak hafal al-Quran. Kalau bukan kita generasi sekarang ni, siapa lagi nak hafal al-Quran. Siapa nak jaga ayat Allah tu. Kita sebagai penghafaz ni, kita angkat ilmu Allah. Kita jaga sampai kita mati nanti.

Bentuk adab terakhir yang dilaksanakan oleh murid tahfiz ialah beradab dengan Al-Quran iaitu menyanjung keagungan dan kemuliaan Al-Quran. Ini dinyatakan oleh Azmil *et al.*, (2014) sebagaimana yang ditegaskan oleh Abu Najihat. Adab dengan Al-Quran turut meliputi berwuduk, mengadap kiblat dan sentiasa menjaga kebersihan diri serta menutup aurat ketika

membaca dan menghafaz al-Quran (Azmil *et al.*, 2014). Namun adab dengan al-Quran ini tidak dihuraikan dengan jelas oleh murid tahfiz yang ditemui.

Seterusnya dapatan temu bual menunjukkan terdapat beberapa bentuk amalan yang diperlukan dalam pembelajaran tahfiz berdasarkan apa yang dikemukakan oleh subjek kajian. Antara amalan atau ibadah penting yang sangat ditekankan oleh subjek kajian ialah solat sunat. Sebahagian besar subjek kajian menyatakan bahawa mereka telah dibiasakan dengan solat sunat seperti solat sunat dhuha, solat hajat, solat sunat tahajud dan solat sunat sebelum dan selepas solat fardu. Murid A menjelaskan:

Yang saya praktikkan kalau waktu subuh saya buat tahajud sekali dengan kadang-kadang kalau ada waktu free waktu rehat tu ke saya buat solat dhuha sekali  
(TB Murid A)

Begitu juga yang dijelaskan oleh Murid B yang melaksanakan solat sunat taubat sebelum memulakan hafazan selepas solat Maghrib, "... selepas solat maghrib kiterang pukul 8 tu kena prep hafazan kan sebelum tu buat solat taubat dulu". Tidak ketinggalan murid G, H, I dan K yang berusaha melakukan solat sunat dhuha.

Kalau kat sini solat dhuha tu sabtu ahad la  
(TB Murid G)

Pastu kalau pagi-pagi tu lepas kelas tu kalau sempat buat solat dhuha.  
(TB Murid H)

Biasanya saya wajibkan diri solat dhuha tiap-tiap hari  
(TB Murid I)

Ya, ada. Solat sunat dhuha. 9.30 tu kiteorang solat sunat dhuha dulu.  
(TB Murid K)

Selain daripada solat sunat taubat dan solat sunat dhuha, solat sunat sebelum dan selepas solat turut diamalkan oleh Murid H dan I seperti katanya:

Saya amalkan solat sunat la. Ba'diah dengan qabliyah. Memang kena buat la.  
(TB Murid H)

Lepas tu solat sunat selepas solat maghrib  
(TB Murid I)

Di samping solat sunat, amalan lain yang banyak diutarakan oleh subjek kajian ialah bangun malam atau *qiyamullail*. Bangun malam ialah satu amalan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi membiasakan murid untuk bangun awal sebelum masuk waktu subuh dan menunaikan solat sunat seperti tahajud dan hajat. Walaupun begitu, terdapat sesetengah subjek kajian yang mengakui bahawa agak sukar untuk bangun malam untuk melakukan solat sunat. Murid C menjelaskan bahawa:

bangun la qiam, walaupun susah nak bangun kadang-kadang bangun lambat, kadang-kadang bangun awal. Kita cuba nak bangun awal. Niat tu penting. Kita



solat taubat, solat kita mohon kat Allah, solat hajat. Mohon mudahkan untuk hafal kita. Untuk kehidupan kita, kuatkan iman kita

(TB Murid C)

Jelasnya bangun malam dengan melaksanakan solat sunat bukan perkara yang mudah tetapi perlu diusahakan bagi memohon kemudahan dalam pembelajaran serta dalam kehidupan yang dijalani. Murid E turut meluahkan bahawa “saya kadang-kadang bangun malam untuk menghafaz dan qiyamullail”. Begitu juga yang diakui oleh Murid F yang beliau “juga melakukan qiyamullail”. Seterusnya Murid H menyatakan perkara yang sama, “qiyamullail tu memang kena la, at least dua rakaat”. Selanjutnya Murid K berkongsi pengalaman beliau bangun malam:

5.30 pagi kite orang akan ada di surau, jadi masa tu la ambik masa untuk dekatkan diri pada Allah sekejap, qiamullail

Akhir sekali, Murid L menjelaskan bahawa beliau berusaha untuk bangun malam sekali seminggu, “Biasa saya buat seminggu sekali qiyam..”.

Bentuk amalan yang dikongsikan oleh murid tahfiz iaitu solat sunat ialah antara yang ditekankan dalam pembelajaran tahfiz sebagaimana yang disarankan oleh Abu al-Fida’, Abu Najihat dan Al-Syarbini seperti yang dihuraikan oleh Azmil et al., (2014). Namun, berdasarkan kajian oleh Zainora *et al.*, (2016b) aspek bangun malam untuk melakukan solat sunat hajat dan tahajud masih kurang dilaksanakan oleh murid tahfiz.

Amalan lain selain daripada solat sunat dan qiyamullail, puasa sunat juga antara amalan yang banyak diperkatakan oleh subjek kajian. Puasa sunat adalah antara amalan yang digalakkan oleh guru dan pihak sekolah tahfiz. Murid B ketika ditanya tentang amalan yang biasa dilaksanakan beliau dengan segera menyatakan tentang puasa sunat,

Kalau saya, satu, saya puasa, puasa sunat.

Murid D turut berkongsi hal yang sama dengan katanya, “Memang saya puasa sunat le. Bila contoh macam hari Isnin puasa sunat, hari Khamis pun puasa sunat”. Selanjutnya, Murid E dan F kedua-duanya menekankan bahawa puasa sunat sememangnya ditentukan oleh pihak sekolah agar murid terbiasa dengan amalan sunat tersebut.

Amalan lain saya lakukan adalah puasa, di sini, diwajibkan puasa Isnin dan Khamis.

(TB Murid E)

Selain itu saya berpuasa, di sekolah ini ditetapkan untuk berpuasa hari Isnin, Selasa dan Khamis.

(TB Murid F)

Bentuk amalan puasa sunat juga antara yang diusulkan oleh pusat tahfiz seperti yang dinyatakan oleh Azmil *et al.*, (2014) dalam kajian yang dijalankan terhadap Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN). Namun dapatan yang diperolehi dalam kajian oleh Azmil *et al.*, (2014) menunjukkan bahawa aspek ‘memperbanyak amalan sunat berada pada min agak rendah berbanding min amalan yang lain. Begitu juga dapatan Zainora et al., (2016b) turut

mendapati hasil yang sama iaitu sebanyak 6.25% responden iaitu murid tahfiz tidak suka berpuasa sunat. Walaupun peratusan ini kecil namun ia signifikan untuk diberi perhatian oleh pengkaji.

Subjek kajian turut menjelaskan bahawa mereka juga dibiasakan dengan amalan membaca surah dan wirid tertentu semasa proses pembelajaran mereka. Sebagai contoh Murid A berkongsi bahawa di sekolah beliau kebiasaannya murid dikehendaki membaca Mathurat, “lepas subuh pelajar kena baca Mathurat”. Murid B menyatakan bahawa beliau biasa membaca surah Al-Insyirah dan Al-A`la bagi membantu memudahkan hafazan. Beliau menyatakan:

Pastu macam kalau saya sebelum saya hafal quran saya akan baca surah al-Insyirah tu dengan..dengan permudahkan dengan ni surah al-A`la. Surah tu ada la pasal membaca al-Quran. Pastu bila saya baca, boleh la tenang sikit hati.

Dua orang lagi subjek kajian turut mengamalkan pembacaan surah tetapi mereka berdua menjelaskan bahawa mereka lazimnya mengamalkan bacaan surah Al-Waqi`ah hampir setiap hari. Murid G dan Murid J menyatakan:

Setiap malam baca surah Waqiah

(TB Murid G)

Saya selalu baca surah al-Waqi`ah.

(TB Murid J)

Selanjutnya, subjek kajian turut berkongsi bahawa amalan berdo'a juga antara amalan yang biasa dilakukan oleh mereka. Bagi mereka, pembelajaran tahfiz sifatnya agak mencabar menyebabkan mereka terbiasa berdo'a bagi memohon bantuan daripada Allah s.w.t. Ini dinyatakan secara langsung oleh Murid D, “Minta bantuan daripada Allah”. Murid F pula menerangkan bahawa:

Solat 5 waktu, sentiasa berdo'a kepada Allah, setiap kali berdo'a meningkatkan semangat saya.

(TB Murid F)

Murid L turut melakukan perkara yang sama iaitu berdo'a untuk memudahkan pembelajaran hafazan dan akademik beliau dengan katanya,

Kita berdo'a memang lah kerana saya, doa pada Allah supaya dapat *straight A*, saya dapat kekalkan 30 juzuk.

Bentuk amalan membaca doa, membaca surah tertentu serta bacaan Mathurat hakikatnya ialah termasuk dalam apa yang dijelaskan sebagai memperbanyak amalan sunat yang perlu dibiasakan pada murid tahfiz (Azmil et al., 2014).

Amalan lain yang turut dilaksanakan oleh subjek kajian ialah berdamping dengan menghafaz al-Quran. Amalan ini sangat membantu memastikan motivasi subjek kajian agar tetap dan tidak terganggu dengan cabaran dalam pembelajaran tahfiz. Murid D berkongsi apa yang beliau lakukan:

Saya just follow yang minat baca quran. Saya tengok je dia, saya pergi duduk dekat dia. Saya nak dapat feel macam mana kan.

(TB Murid D)

Murid E pula selesa berdamping dengan kawan yang cemerlang dalam pembelajaran hafazan mereka untuk mendapatkan motivasi dalam menghafaz.

Melihat kawan-kawan yang cepat menghafal dan mengingat membantu saya mempercepatkan juga hafazan. Kawan sebagai motivasi dan meningkatkan semangat saya.

(TB Murid E)

Akhir sekali, Murid L sebagaimana Murid E turut mengambil inisiatif berdamping dengan rakan yang juga menghafaz al-Quran bagi membantu beliau istiqamah dengan pembelajaran tahfiz.

Dan jugak saya selalu berkawan dengan orang yang rapat dengan al-Quran. Itu aspek utama iaitu berkawan dengan orang yang selalu mendampingi al-Quran

(TB Murid L)

Amalan berdamping dengan individu penghafaz Al-Quran turut digalakkan dalam kalangan murid tahfiz dan ini ternyata dilaksanakan oleh murid yang ditemu bual. Dapatan Azmil et al., (2014) secara jelas mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 4.36 bagi amalan bergaul dengan golongan huffaz Al-Quran. Ia juga adalah antara amalan atau disebut adab oleh Darul Quran di Kuala Kubu Bharu (Azmil et al., 2014).

Akhir sekali, amalan yang juga disebut oleh subjek kajian namun hanya seorang sahaja yang mnyetakannya ialah tentang menghindari perkara maksiat atau dosa. Ia hanya dinyatakan oleh Murid K:

Pelajar tahfiz perkara yang perlu ada pada dia ialah sikap iaitu perasaan selalu takut pada Allah. Jadi mungkin untuk dia melakukan benda-benda yang melanggar peraturan Allah tu tidak mustahil dia melanggar tu. Kadang-kadang menghafaz hanya sekadar di mulut..

(TM Murid K)

Dapatan menunjukkan bahawa bentuk amalan menjauhi maksiat turut dilaksanakan tetapi tidak ditekankan kerana hanya seorang murid tahfiz yang menyetakannya secara jelas. Sedangkan ia sangat digalakkan oleh Imam al-Syafie. Mohd Solleh (2013) menghuraikan bahawa Imam Syafie mampu menyerap banyak ilmu yang dipelajari kerana sikapnya yang menjaga kejernihan hati. Kejernihan hati diperolehi dengan menjauhi daripada berbuat perkara dosa dan membiasakan diri dengan perkara kebaikan.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian terdapat beberapa bentuk adab dan amalan yang dilaksanakan oleh murid dalam pembelajaran tahfiz mereka. Antara adab yang dilaksanakan ialah keikhlasan dalam mengikuti pembelajaran tahfiz, menjaga adab dengan guru, menjaga adab dengan ibubapa, adab dengan rakan serta menjaga adab dengan Al-Quran. Namun begitu, adab dengan rakan dan memuliakan Al-Quran tidak dilaksanakan oleh keseluruhan murid tahfiz yang terlibat dalam kajian. Seterusnya dalam aspek amalan atau ibadah yang diusulkan dalam

pembelajaran tahfiz, terdapat beberapa amalan yang sangat diberi penekanan. Antaranya ialah solat sunat, puasa sunat, bangun malam, membaca doa dan membaca surah tertentu. Tetapi, amalan yang berbentuk wajib iaitu menghindari perbuatan maksiat tidak disebut secara menyeluruh oleh murid tahfiz.

Kajian ini diharapkan dapat memberi cadangan kepada pihak sekolah atau institusi tahfiz bagi menekankan bentuk adab dan amalan yang masih kurang diberi fokus dalam pembelajaran tahfiz di sekolah seperti memuliakan al-Quran, berbangga menjadi penghafaz al-Quran serta menghindari perkara maksiat dan dosa. Kajian ini turut memberi cadangan kepada pihak sekolah tahfiz agar memberi latihan atau program yang bersesuaian kepada murid dan guru tahfiz agar tidak mengabaikan aspek adab dan amalan dalam pembelajaran tahfiz. Ini adalah kerana adab dan amalan tersebut sangat penting khasnya dalam konteks pembelajaran murid tahfiz. Adab dan amalan tersebut membantu melancarkan proses murid menghafaz serta dalam masa yang sama membantu memastikan murid mampu mengharungi cabaran pembelajaran tahfiz.

### **Rujukan**

- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad dan Idris Ismail. (2003). Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Abdul Hafiz Abdullah dan Hasimah Muda. (2004). Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh. Dalam Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang dan Kamaruddin Salleh. Islam: Past, present and future. International Seminar on Islamic Thoughts Proceedings.
- Abdullah Basmeih. (1983). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Azmil Hashim dan Ab. Halim Tamuri. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 4(2), 1-10.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri dan Mohd Aderi Che Noh. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*. 2(2), 73-82.
- Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz. (2003). Hubungan antara teknik menghafaz al-Quran dengan pencapaian kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak. Seminar Teknik pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat kebangsaan di Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohd Solleh Ab. Razak. (2013). *Anakku seorang hafiz*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2005). *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nordin Ahmad. (2015). Memperkasa Darul Quran ke arah memartabat pendidikan tahfiz di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz kali ke IV di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor pada 1-3 Jun 2015.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Puvenesvary, M, Radziah Abdul Rahim, Sivabala Naidu, R., Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan dan Noor Hashima Abd. Aziz. (2011). *Qualitative research: Data collection and data analysis techniques*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Shahrulkarnain Mohamad Nazir. (2013). Program Sijil Tahfiz Al-Quran Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis terhadap pencapaian hafazan dan permasalahannya. Disertasi Master Usuluddin, Universiti Malaya.
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim, Abdul Rahim Ahmad dan Nurfatihah Mohd Dzahir. (2016a). Penghayatan konsep *hamlah* Al-Quran dari perspektif adab dan akhlak dalam kalangan huffaz: Satu kajian untuk pengukuhan hafazan. Dalam Zulkifli Mohd Yakub Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad. (Ed.). (2016). *Memperkasa generasi penghafaz Al-Quran*. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Zainora Daud, Shahrudin Saad, Muhammad Fairuz A. Adi, Nurfatihah Mohd Dzahir dan Mohd Mahfuz Jaafar. (2016b). Pelaksanaan konsep *hamlah al-Quran* dari perspektif ibadah: Kajian di Ma'ahad Tahfiz Swasta di Negeri Sembilan. Prosiding International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016 (IRSYAD2016).